



UNIVERSITAS
SUMATERA UTARA



INTERNATIONAL
SUMMER COURSE
ARCHITECTURE
UNIVERSITAS SUMATERA UTARA



CITYSCAPE CRUSADERS
ROMBONGAN PELAJAR
UITM KE ISCA USU 2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perak

TRAVELOG

JELAJAH KOTA MEDAN, INDONESIA

THE INTERNATIONAL SUMMER COURSE ARCHITECTURE USU 2023

DR LIM SENG BOON
NORADZSYIAH ADZHAR
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH



Diterbitkan Oleh:
Unit Penerbitan UiTM Cawangan Perak
Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perak

Alamat:
Unit Penerbitan UiTM Perak,
Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA)
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,
32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia

05-3742716
uitmperakpress@gmail.com

© UiTM Perak Press, UiTM 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan semula, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara; elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya; tanpa kebenaran bertulis daripada pengarah Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing in Publication Data
No. e ISBN: 978-967-2776-29-1

DR LIM SENG BOON
NORADZSYIAH ADZHAR
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH

Cover Design and Typesetting: Muhammad Ikhwan bin Hamzah

BAB

02

**KAMPUS MERDEKA:
UNIVERSITAS SUMATERA UTARA**

MALAM SETIBANYA DI KAMPUS USU

Seolah sebuah mimpi, kami telah pun sampai ke satu tempat yang cukup indah, sarat dengan aura keilmuan yang terlindung di sebalik pokok-pokok nan menghijau. Itulah **Kampus USU!** Ibarat satu kota yang menyimpan seribu satu rahsia, ia cukup sempurna. Kami tidak melepaskan peluang untuk **meneroka kampus ini pada waktu malam.** Dengan penuh semangat, kami berjalan sedikit menuju ke sebuah francais kedai runcit terkenal di Indonesia, **Indomaret.** Jaraknya hampir 600 meter dari tempat kami menginap di dalam USU. Namun, **kami sedikit hampa** saat mendapati kedai yang ingin dituju rupanya sudah berakhir waktu operasinya kerana jam sudah menunjukkan pukul 10 malam waktu tempatan.





Wisma Internasional Universitas Sumatera Utara yang memiliki 18 buah bilik tidur yang digunakan oleh pensyarah luar negara. Ia juga menjadi tempat penginapan kami sepanjang 10 hari di bumi Medan.

INDOMARET KAMPUS USU



Kota Medan sudah mulai sunyi, termasuklah fasiliti di Universitas Sumatera Utara (USU). Namun kami semua merasa agak puas kerana dapat melihat sekeliling kampus USU sebelum bermulanya pengembaraan ilmu kami pada esok hari.





Aula Fakultas Teknik USU adalah tempat majlis pembukaan ISCA USU 2023



Tari Persembahan Melayu yang memukau mata dari pelajar Arsitektur Universitas Sumatera Utara

KEISTIMEWAAN KAMPUS USU

Kami berpeluang meronda di hampir separuh kampus USU yang besarnya seluas mata memandang. Sepanjang 10 hari kami berprogram, kami diminta untuk berjalan kaki dari tempat penginapan kami untuk ke tempat program dan dewan yang digunakan adalah di **Dewan Utama Fakultas Teknik** dan **Dewan Kuliah Magister Kenotariatan**. USU menyediakan laluan pejalan kaki di setiap jalan di dalam kampusnya.



Pohon yang rimbun memberikan suasana redup dan tenang di Jalan Belakang Pendopo saat berjalan kaki

Pembeza USU yang dikesan berbanding di Malaysia adalah kerana konsep keterbukaan jalan yang diguna pakai kerana laluan USU boleh digunakan oleh orang awam. USU juga memiliki 4 pintu masuk utama, maka tidak hairanlah USU yang gah ini aktif dengan mobiliti dan penduduk setempat yang berlegar-legar atau menjalani aktiviti seperti bersenam dan beriadah di sekitar kampus. Suasananya yang damai diperkuatkan lagi dengan deretan pokok-pokok dan ladang kelapa sawit yang luas di kebanyakan tempat di dalam USU.



Pepohonan rendang sudah ibarat tempat berteduh di USU dan dapat ditemui di sepanjang perjalanan kami dari satu bangunan ke satu bangunan yang lain di USU. Maka, tidak hairanlah USU diiktiraf sebagai Kampus Hijau 2023. Pelajar USU begitu teruja untuk bercerita kepada kami tentang pengiktirafan tersebut dan kami merasakan mereka benar-benar layak mendapat pengiktirafan tersebut.





Hampir seluruh kawasan USU dipenuhi dengan pepohon hijau seperti kelapa sawit dan kebun-kebun yang besar. Ladang-ladang dan kebun-kebun mereka dijaga dan dipelihara dengan baik. Ia kelihatan selamat untuk digunakan sebagai laluan pejalan kaki. Namun, ia tidaklah membolehkan kami melalui ladang tersebut sesuka hati. Terdapat satu episod di mana sahabat kami melalui salah satu ladang kelapa sawit dan mereka berdua didapati demam pada keesokan harinya. Dakwa salah seorang daripada mereka, mereka telah diganggu oleh entiti tertentu setelah melalui ladang tersebut.

TERSILAP LANGKAH DI LADANG KELAPA SAWIT

Pada permulaannya aku dan Syamil tidak menjangkakan sesuatu akan berlaku. Ia merupakan hari biasa buat kami kerana perlu bergerak dari Wisma International, tempat penginapan kami ke Dewan Kuliah Magister Hall. Tengah perjalanan Syamil berkata kepada Aku “Jom lah, kita jalan ikut ladang kelapa sawit, boleh jimat masa dari jalan jauh. Nak tak? Jom lah” Ketika itu, riak wajah aku agak risau, “Kau ni, boleh ke kita nak lalu situ, tak bahaya ke?.” Tanpa berfikir panjang, Aku dan Syamil tetap meneruskan perjalanan ke Dewan Kuliah Magister Hall melalui ladang kelapa sawit untuk ke tempat program.



Masa pun berlalu dan petang pun tiba, Aku dan rakan yang lain pergi sekitar bandar untuk mencari santapan makan malam. Aku tidak merasai apa-apa lagi ketika itu dan masih boleh bergurau senda bersama teman-teman. Malam pun sudah lewat, kami pulang untuk beristirahat. Ketika itu Aku merasakan sesuatu di kamar bilik. Sewaktu Aku berada dalam keadaan berdiri sambil menyebulungi selimut dan bersembang dengan Syamil, tiba-tiba aku merasakan sesuatu melanggar bahagian tepi badan. Aku berkata kepada Syamil **“Eh Syamil, kau ada tertendang aku ke tadi?”** Syamil menafikan hal tersebut ekoran jarak kedudukan Syamil agak jauh dari aku. Aku dan Syamil beranggapan itu hanyalah ilusi kerana terlalu penat dan kami pun terlelap.





Suasana pohon--pohon di sekitar kampus
Universitas Sumatera Utara



Syamil tertidur ketika menunggu makanan di Inter Cafe



Syamil kurang produktif seperti kebiasaanya ekoran keadaan
badan yang sedikit panas akibat demam

Hari esok pun tiba, aku dan Syamil merasakan bahawa tubuh badan kami kurang sihat, demam panas dan muntah-muntah. Hari tersebut agak kurang semangat bagi aku, masa berlalu dengan cepat, sudah masuk waktu Maghrib di Kota Medan. Ketika itu aku dan Syamil mulai merasa badan tidak mampu bergerak dari katil masing-masing dan selera makan juga berkurang. Dengan bantuan rakan-rakan, mereka membelikan ubat-ubatan dan makanan kepada aku dan Syamil dan kami hanya banyak beristirehat.




Sesi perbincangan antara Uma (UTM), Syamil (UiTM), dan Aidil (UiTM) mengenai tugas yang diberikan ketika program ISCA USU 2023

**“TEMPAT ITU TIADA ORANG
LALU LALANG DAN TIDAK BOLEH
SEMBARANGAN DILEWATI”**

Selepas kejadian itu, kami menceritakan hal tersebut kepada teman-teman Indonesia, Ada di antara mereka menyatakan bahawa ladang itu agak keras dan mempunyai cerita tersendiri. Namun, tidak dinafikan sememangnya kebanyakan tempat seperti corok-corok hutan atau ladang seperti itu, walau di mana sekalipun, pasti tidak boleh sembarangan dan perlu berjaga-jaga. Aku mengambil iktibar dari hal itu walaupun situasi sebenar tidaklah menyeramkan kan bagi aku dan Syamil pada ketika itu.

DARI TANAH AIR MALAYSIA



Dr. Nurbaidura pensyarah dari Program Perancangan Bandar dan Wilayah (UiTM) turut serta dalam program ini



Sarah merupakan salah seorang wakil pelajar UiTM turut serta sebagai peserta atas talian

**DR. WAN
RUKIAH MOHD
ARSHAD**
PENSYARAH CFAP243 SARJANA
MUDA SENIBINA



Dr. Wan Rukiah pensyarah dari Program Seni Bina (UiTM) turut serta dalam program ini

Permulaan hari pertama sebagai peserta atas talian adalah bukan seperti yang yang disangkakan, adrenalinku membuatkan perasaan berdebar dek kerana ini merupakan pengalaman pertamaku menyertai sebuah program antarabangsa. Sejak awal pagi lagi aku sudah **menunggu di hadapan skrin komputer riba** sebagai persediaan kerana menurut tentatif yang diberikan kepadaku, program akan bermula pada jam 9 pagi waktu tempatan. Sambil menunggu permohonan diterima masuk oleh urusetia program melalui aplikasi Zoom, matakku sesekali memandangkan ke arah jam, **sejenak berasa hairan** kerana waktu bermulanya program belum kunjung tiba. Seketika kemudian, ada di kalangan pensyarah yang menyertai program ini secara dalam talian **bertanyakan soalan kepada rakan-rakanku** di Indonesia. Rupa-rupanya **ada salah faham** yang menghambat kelancaran perjalanan program ini.



Wakil Malaysia memberikan tanda hormat ketika lagu kebangsaan Indonesia Raya pada majlis pembukaan

Resah di hatiku dek kerana risau akan ketinggalan slot pada pagi tersebut hilang kerana rupa-rupanya terdapat perbezaan masa di antara waktu tempatan di Indonesia berbanding waktu tempatan di Malaysia. Program yang telah dirancang bermula pada pukul 9 pagi waktu tempatan adalah merujuk kepada waktu di Indonesia, manakala di Malaysia pula waktunya adalah bermula pada pukul 10 pagi. Tidak lama kemudian, acara perasmian pun dimulakan, dendangan lagu kebangsaan Indonesia yang penuh semangat membuatkan ku tergamam dan penuh kekaguman.



Gambar berkumpul antara tenaga pengajar pada hari pertama di Dewan Fakultas Teknik



Alang-alang sudah berada di sini, kami mencuri sedikit masa untuk kami berjalan di Fakultas Teknik dengan dibawa oleh beberapa pelajar Jurusan Arsitektur USU yang peramah dan sopan. Tersergam indah replika mercu papan tanda 'FAKULTAS TEKNIK' di hadapan bangunan arkitek tersebut. Keterujaan kami berterusan apabila diperlihatkan dengan hasil kerja mereka yang berbentuk tiga dimensi dan tampalan poster-poster yang menghiasi ruang legar utama fakulti tersebut. Satu hal yang tidak dapat kami lupakan adalah studio panjang tempat mereka menuntut ilmu. Hal ini kerana ia berupaya untuk menempatkan ratusan pelajar dalam satu-satu masa. Tambahan lagi, tempat persembahan hasil kerja mereka juga di asingkan daripada studio tempat mereka menyiapkan tugas masing-masing.

Replika berhadapan bangunan Jurusan Arsitektur di
Universitas Sumatera Utara



Ruang studio mereka digunakan sepenuhnya sehingga kelihatan tiada langsung ruang yang kosong di dalam studio! Kami menjelajah hampir sejam sambil memanjat anak tangga fakulti bangunan setinggi dua tingkat tersebut untuk merasai pengalaman menuntut ilmu di sana. '*Klik! klik!*' kami juga sempat bergambar di ruang studio itu. Paling menyeronokkan, beberapa staf di pejabat yang beroperasi ketika itu juga teruja untuk bergambar bersama kami.

Customer Lounge

UNIVERSITAS SUMATERA UTARA



SHELTER GOJEK

↑ Pintu Masuk

tempat menunggu
pesawat dan kereta api



Rumah Sakit Gigi dan Mulut, Universitas Sumatera Utara

Antara kemudahan yang ada di dalam kampus USU buat pelajar dan masyarakat sekitar. Rumah Sakit Gigi dan Mulut merupakan tempat pembelajaran bagi pelajar Kedokteran Gigi



e ISBN 978-967-2776-29-1



9 789672 776291

